

KEM TERUMBU KARANG SIRI II 2008: S.K. KG MUKUT DAN S.K. KG JUARA, PULAU TIOMAN, PAHANG

Disediakan Oleh:

Izarenah Md Repin

Kem Terumbu Karang datang kembali ke Pulau Tioman, Pahang. Berbanding Siri I yang melibatkan para pelajar dari S.K. Kg. Tekek, pada Siri II ini penyertaan Kem adalah dari gabungan para pelajar dua buah sekolah iaitu, S.K. Kg. Mukut dan S.K. Kg. Juara, Pulau Tioman, Pahang. Seramai 23 orang pelajar yang terdiri dari tahun 4 hingga 6 menyertainya. Mereka turut diiringi oleh seramai 13 orang Guru dari dua buah sekolah tersebut serta seorang ahli Rakan Park Tioman.

Kem selama 3 hari dan 2 malam bermula pada 7 hingga 9 November 2008 yang bertempat di Pusat Taman Laut Pulau Tioman, Pahang merupakan anjuran Jabatan Taman Laut Malaysia (JTLM) dibawah Bahagian Pengurusan Taman dan Pembangunan serta Unit Kesedaran Awam dan Interpretasi Maklumat. Selain itu, Kem ini turut dilaksanakan dengan sokongan Projek GoM/UNDP/GEF: Taman Laut serta kerjasama Reef Check Malaysia. Ia adalah bertujuan untuk memberi pendedahan kepada para pelajar tentang kepentingan ekosistem marin khususnya terumbu karang serta peranan yang dimainkan oleh JTLM dalam menguruskan khazanah marin ini.

Para peserta dibahagikan kepada 3 kumpulan yang diberi nama pilihan mereka iaitu 'Starfish', 'Shark' dan Kurita. Setiap tugas yang diberikan perlu dilaksanakan secara berkumpulan antaranya Kit Kemandirian Hidup, Di dalam Terumbu, Ancaman Terumbu dan 'Roleplay' Peranan Pegawai Taman Laut. Selain itu, para peserta turut diajar tentang etika snorkelling dan telah dibawa melawat ke Pulau Tulai untuk menghayati dan menghargai keindahan ekosistem terumbu karang.

Upacara Penutup dan penyampaian Sijil Kem telah berjaya disempurnakan oleh tetamu jemputan iaitu Tn. Hj. Razali, Pegawai Pendidikan Daerah Rompin, Pahang. Selain itu, turut memeriahkan majlis ialah Penghulu Mukim Tioman, En. Mohamad Nor B.

Hidon dan Guru Besar S.K. Kg. Mukut, En. Rahim B. Hj Johari. Di akhir Kem ini, Kumpulan Kurita telah berjaya memenangi anugerah Kumpulan Terbaik manakala adik Ismail B. Abd. Rahman dari S.K. Kg. Mukut berjaya sebagai Peserta Kem Terbaik.

Kem Terumbu Karang 2008 telah menjelajah ke sekolah-sekolah di lima buah pulau Taman Laut iaitu Pulau Tioman, Pahang; Pulau Redang dan Pulau Perhentian, Terengganu serta Pulau Sibul dan Pulau Tinggi, Johor. Walaupun ia merupakan program kesedaran alam sekitar yang pertama kali dianjurkan oleh JTLM, namun atas sokongan dan kerjasama semua pihak termasuk Pejabat Pelajaran Daerah dan Sekolah, Kem ini telah berjaya memberi impak yang positif kepada para pelajar. Sehubungan dengan itu, JTLM mengucapkan setinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dan berharap agar kerjasama yang erat seumpama ini dapat diteruskan dalam penganjuran program-program seumpama ini di masa hadapan.



Perbincangan dalam kumpulan



Maskot kumpulan: Starfish



Aktiviti Etika Snorkelling



Para peserta berbincang di dalam khemah masing-masing



Penerangan disampaikan oleh fasilitator kepada peserta



Tekun membuat latihan yang diberikan